

02/12/1997

Bukan masanya peniaga kaut untung

TEGURAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap sesetengah peniaga yang dianggapnya tidak patriotik mungkin agak keras tetapi selepas mengkaji kesan buruk yang akan berlaku ke atas rakyat dan negara akibat perbuatan mereka, kita berpendapat memang sewajarnya Perdana Menteri membuat teguran itu. Kita tidak menolak hakikat matlamat pengusaha atau peniaga adalah untuk membuat untung. Apa yang kita tidak boleh terima ialah percubaan mereka mengambil kesempatan dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang tanpa memikirkan risiko perbuatan mereka. Golongan oportunistik ini sebenarnya sudahpun membuat untung yang besar ketika ekonomi negara baik. Malah, kerajaan turut membantu mereka mempromosi keluaran mereka di luar negara. Ketika menghadapi saingan daripada minyak soya, kerajaan menggunakan segala sumber untuk membetulkan tanggapan masyarakat dunia terhadap keluaran minyak masak negara.

Malangnya, ketika mereka menghadapi sedikit masalah, tindakan segera yang difikirkan ialah menaikkan harga. Apa yang kita sedihkan ialah bahan yang digunakan untuk memproses keluaran mereka ini, seluruhnya adalah bahan tempatan. Sekalipun berlaku kenaikan kos, kita berpendapat ia adalah minimum. Tambahan pula jika pengusaha masih menggunakan jentera dan mesin sedia ada yang tidak memerlukan sebarang tambahan kos tetap.

Apa yang agak menghairankan ialah permohonan kenaikan harga barangan ini datang daripada pengusaha yang menggunakan bahan tempatan. Kita belum mendengar tindakan pengusaha yang menggunakan bahan import, menaikkan harga. Mereka seolah-olah mahu berlumba untuk menaikkan harga.

Walaupun Dr Mahathir merujuk kepada pengusaha dan peniaga minyak masak, kita percaya beliau menunjukan persoalan ini kepada semua pihak yang cuba mengeruhkan keadaan. Ketika kerajaan cuba membetulkan kepincangan, golongan ini pula cuba membuat kacau. Kita boleh merumuskan maksud Dr Mahathir terhadap golongan yang dianggapnya sebagai tidak patriotik ini. Sebenarnya, golongan ini tidak layak menetap di negara ini. Adalah lebih baik mereka meninggalkan negara ini dan memilih negara yang mereka fikir boleh membuat untung berlebihan.

Pada kita sebagai rakyat, kita mestilah mempunyai perasaan sayang kepada negara. Di sinilah kita perlu berikan taat setia kerana tidak ada tempat lain yang boleh memberi jaminan hidup yang agak selesa. Kita sepatutnya berganding bahu menghadapi kegawatan hari ini, bukan melihat kepentingan diri sendiri. Jika ramai yang bersikap demikian, ekonomi negara akan runtuh. Selepas mewah sekian lama, kita janganlah lupakan jasa kerajaan. Ini adalah masa untuk kita berkorban.

Pada kita kenaikan minyak masak boleh memberi kesan kepada perbelanjaan keluarga dan masyarakat. Ia boleh menjadi faktor kenaikan harga barangan lain, terutamanya makanan. Bagi amalan pemakanan rakyat di Malaysia, hampir semua makanan menggunakan minyak masak sama ada untuk menumis gulai, menggoreng ikan, mi, bihun, nasi goreng atau membuat kuih muih. Jika harga minyak dinaikkan, secara automatik harga makanan akan meningkat. Harga kuih yang kita beli di gerai seperti goreng pisang, karipap dan sebagainya juga akan naik. Peniaga makanan tidak mempunyai pilihan selain menaikkan harga jualan mereka jika harga minyak dinaikkan. Apabila harga makanan yang dijual naik, kita percaya tidak ramai lagi pelanggan makan di restoran atau membeli makanan di gerai. Apa akan jadi dengan peniaga seperti ini? Apabila mereka tidak lagi berniaga, mereka juga tidak membeli minyak.

Siapa yang rugi? Tindakan seperti ini boleh menjejaskan industri. Oleh itu, janganlah berfikiran bahawa sekarang adalah waktu paling sesuai untuk mencari untung lebih, kita bertindak mengikut perasaan tanpa memikirkan kesan terhadap industri. Industri minyak masak boleh terjejas apabila kilang terpaksa mengehendkan pengeluaran dan dalam senario paling buruk, mereka terpaksa membuang pekerja. Bagi industri minyak masak, kita menggalakkan mereka mengeksport keluaran mereka, tetapi pada masa yang sama mereka tidak boleh mengabaikan tanggungjawab sosial terhadap rakyat tempatan.

Kita percaya Kabinet, dalam membuat pertimbangan berhubung permohonan kenaikan barangan, mengambil kira kesan yang dihadapi oleh setiap rakyat sama ada golongan kaya atau miskin. Kabinet tidak akan melayan setiap permohonan yang tidak praktikal, melainkan dengan alasan yang munasabah selepas mengambil kira kos dan faktor pengeluaran yang lain.

(END)